



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PROGRAM DAN DANA MOBILITI PELAJAR (KE LUAR NEGARA)

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini menerangkan tatacara permohonan dan pengagihan Dana Mobiliti Pelajar UKM ke luar Negara.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Program Mobiliti Pelajar (Ke Luar Negara) adalah untuk menyediakan peluang kepada pelajar UKM untuk melengkapkan pengalaman pendidikan dengan mengikuti program akademik yang ditawarkan di dalam dan luar Negara.

UKM mewujudkan Program Mobiliti Pelajar (Ke Luar Negara) untuk mencapai objektif berikut:

- a) Memperluaskan pengalaman pendidikan bagi pelajar UKM;
- b) Memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kefahaman mereka mengenai isu dan perspektif global berkaitan dengan bidang ilmu yang diceburi;
- c) Membolehkan pelajar mengamalkan ilmu yang dipelajari serta mengilmukan apa yang diamalkan;
- d) Melatih pelajar sebagai duta kecil UKM dan Malaysia;
- e) Melahirkan pelajar UKM yang cemerlang sebagai graduan yang berwibawa, pencetus ilmu, pemangkin kesarjanaan yang dihormati dan relevan kepada Negara serta masyarakat global;
- f) Memperluaskan aktiviti MoU/ MoA yang ditandatangani oleh UKM dan universiti luar Negara.

3.0 KELAYAKAN DAN SYARAT PERMOHONAN

3.1 Pelajar yang ingin memohon untuk mengikuti program mobiliti berkredit UKM perlu mematuhi kriteria-kriteria berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Sedang mengikuti program Sarjana Muda, Sarjana atau Doktor Falsafah dan berdaftar sepenuh masa di UKM;
- c) Bagi program pertukaran pelajar, pelajar hendaklah mengikuti program yang telah mendapat kelulusan Senat UKM dan mematuhi Dasar Pemindahan dan Pengecualian Kredit Universiti Kebangsaan Malaysia Bil. 2/2009.
- d) Telah mendaftar sekurang-kurangnya satu semester di UKM adalah layak dipertimbangkan serta perlu mempunyai pencapaian akademik yang baik:
 - PNGK 3.0 keatas bagi pelajar pra-siswazah;
 - PNGK 3.5 atau sokongan penyelia bagi pelajar siswazah.
- e) Pelajar Siswazah yang bercuti belajar daripada UKM atau institusi lain serta kakitangan UKM yang sedang berkhidmat tidak layak dipertimbangkan untuk mengikuti program ini;



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

- f) Tempoh program yang diikuti adalah selama minima 3 minggu sehingga maksima 2 semester sahaja kecuali program-program anjuran UKM dengan kerjasama universiti rakan;
 - g) Pelajar hanya dibenarkan menerima sekali sahaja penajaan daripada Dana Mobiliti Pelajar sepanjang satu program pengajian di UKM.
- 3.2 Bermula pada Januari 2015 permohonan dana bagi program sangkutan penyelidikan diuruskan di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM), UKM.
- 3.3 Pelajar bertanggungjawab:
- a) Mengurus sendiri permohonan untuk mengikuti program mobiliti di universiti luar Negara (Keutamaan diberikan kepada universiti yang mempunyai MoU dengan UKM dan program *flagship* Fakulti);
 - b) Mengisi borang permohonan (Rujuk UKM-SPKP-PHA-PK02-BO01: Borang Permohonan Program dan Dana Mobiliti Pelajar (Ke Luar Negara)).
- 3.4 Pemberian dana untuk setiap pelajar meliputi:
- a) Kos pengangkutan pergi dan balik termurah;
 - b) Penginapan dan sara hidup mengikut Negara.
- 3.5 Had maksima pemberian dana ialah **RM10,000.00** bagi setiap pelajar mengikut garis panduan tertakluk kepada negara dan zon yang ditetapkan.
- 3.6 Jawatankuasa Program Mobiliti Pelajar akan menentukan jumlah tajaan yang diluluskan untuk setiap pelajar dan **keputusan adalah MUKTAMAD**.
- 3.7 Universiti / Institusi di luar Negara mesti memberi kemudahan makmal tanpa mengenakan yuran dan pelajar menerima surat tawaran daripada Host University. Surat kelulusan berserta nama penyelia di Universiti / Institusi luar Negara perlu disertakan bersama borang permohonan ini.
- 3.7 Pelajar bertanggungjawab memastikan program yang dipohon telah diluluskan Senat untuk pemindahan kredit daripada Fakulti sebelum memulakan program mobiliti (Rujuk Dasar Dasar Pemindahan dan Pengecualian Kredit Universiti Kebangsaan Malaysia Bil. 2/2009 dan UKM-PJK-PPPS-P03-AK07: Arahan Kerja Pengecualian atau Pemindahan Kredit Kursus).
- 3.8 Pelajar perlu mendapatkan kelulusan ke luar Negara melalui Pusat Khidmat Siswa, UKM (Rujuk UKM-SPKP-JPPel-PK04-BO06: Borang Permohonan Pelajar Ke Luar Negara).
- 3.9 Mesyuarat Jawatankuasa Mobiliti Pelajar akan diadakan empat kali setahun.
- 3.10 Proses temuduga akan dijalankan di Fakulti / Institut / Pusat atau UKM Global tertakluk kepada keperluan program.



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

3.11 Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta lampiran perlu dihantar kepada:

**Pengarah
Pusat Hubungan Antarabangsa (UKM Global)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Aras 2 Bangunan Canselori
UKM Bangi 43600 Selangor**

No. Telefon : 03 – 8921 4187 / 03 – 8921 5057

No. Faks : 03 – 8925 4890

Emel : exchange@ukm.edu.my

3.12 Tarikh tutup serahan borang permohonan adalah seperti berikut:

- a) Sesi Pertama : **1 Mac**
- b) Sesi Kedua : **1 Jun**
- c) Sesi Ketiga : **1 September**
- d) Sesi Keempat : **1 Disember**

3.13 Pelajar yang berjaya perlu melengkapkan Surat Penerimaan Tawaran Program dan Dana Mobiliti Pelajar (UKM-SPKP-PHA-PK02-L02).

3.14 Setelah tamat mengikuti program, pelajar perlu:

- a) Mengemukakan UKM-SPKP-PHA-PK02-L03: Laporan Program Mobiliti Pelajar (Ke Luar Negara) kepada UKM Global dan salinan kepada Dekan Fakulti/ Institut/ Pusat dalam tempoh **dua minggu** setelah tamat mengikuti program tersebut.
- b) Sekiranya gagal, pelajar akan diberi surat peringatan dan digantung keputusan peperiksaan.



4.0 PANDUAN PEMBAHAGIAN

4.1 Pembahagian Dana Mengikut Zon

ZON	1	2	3	4
Negara	Kemboja, Laos, Myanmar, Thailand, Vietnam, Filipina, Indonesia	China, Taiwan, Brunei, Korea Selatan, India, Hong Kong, Singapura	Jepun, Australia, New Zealand	United Kingdom, Jerman, Kanada, Latin Amerika, US, Rusia, Negara- Negara Eropah
< 3 Minggu	Tidak layak			
> 3 Minggu	RM 1,000 – RM 2,000	RM 2,000 – RM 4,000	RM 3,000 – RM 5,000	RM 4,000 – RM 6,000
1 - 3 Bulan	RM 2,000 – RM 4,000	RM 3,000 - RM 5,000	RM 4,000 – RM 6,000	RM 5,000 – RM 7,000
3 - 6 Bulan	RM 2,500 – RM 5,000	RM 4,000 – RM 6,000	RM 6,000 – RM 8,000	RM 7,000 – RM 8,000
6 Bulan - 1 Tahun	RM 5,000 – RM 6,000	RM 6,000 – RM 8,000	RM 8,000 – RM 10,000	RM 10,000

* Untuk negara-negara yang tidak disenaraikan, rujukan zon ialah mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2005.

- 4.2 Pelajar perlu memaklumkan mengenai dana yang dipohon atau telah diterima dari mana-mana PTJ UKM dengan jelas di dalam borang permohonan.
- 4.3 Pelajar yang ingin melanjutkan tempoh sangkutan atau kursus yang diambil hendaklah memaklumkan kepada UKM Global, walau bagaimanapun, penambahan dana bagi pelanjutan program tersebut tidak akan dipertimbangkan.
- 4.4 Pelajar yang tidak berjaya menyelesaikan kursus yang telah diambil bertanggungjawab mengemukakan surat tunjuk sebab kepada Pengerusi Jawatankuasa Mobiliti Pelajar dan disalinkan kepada fakulti dan UKM Global. Kegagalan untuk menyelesaikan kursus ini akan direkodkan di dalam laporan akademik pelajar.
- 4.5 Permohonan program dan dana mobiliti bagi pelajar yang telah menjalankan kursus atau sangkutan selepas program tamat dijalankan tidak akan dipertimbangkan.
- 4.6 Sekiranya berlaku perubahan tempat program yang akan dijalankan oleh pelajar setelah kelulusan dikeluarkan, pelajar perlu memaklumkan kepada jawatankuasa mobiliti dan pihak jawatankuasa berhak mengurangkan atau menambahkan dana yang diberikan.
- 4.7 Jawatankuasa Mobiliti Pelajar mempunyai kuasa untuk menambah atau mengurangkan jumlah tajaan tertakluk kepada program tersebut memberikan impak / kesan yang besar atau tidak memberikan manfaat kepada universiti.